

PM, Khatami **bincang** isu **atasi** keganasan

JUL 2002
Oleh **ABDUL RAZAK
RAAFF dan AHMAD
BAHRI MARDI**

KOTA TINGGI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka membincangkan isu berhubung cara memerangi keganasan yang sering dikaitkan dengan negara Islam dan Palestin, dalam temuannya dengan Presiden Iran, Sevd Mohammad Khatami sempena lawatan rasmi pemimpin itu ke negara ini, bermula hari ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata isu menentang keganasan antara agenda penting yang bakal dibincangkan berikutan Iran sering menerima kecaman kuasa besar Barat sekali gus dilabel sebagai negara penganas.

"Perbincangan isu antikeganasan juga menurus kepada peranan Pertuhunan Negara Islam (OIC) dalam menyelesaikan isu terbabit terutama kepada negara Islam yang sedang menerima tekanan Barat.

"Kedua-dua isu itu menjadi topik utama yang sering diberi perhatian Perdana Menteri dalam usaha menyelesaikan kon-

flik global, selain menyatakan nendirian keganasan tidak boleh hikaitkan dengan Islam.

"Selain itu, Perdana Menteri mahu mendapatkan reaksi ketua negara Iran itu mengenai cadangannya mewujudkan dinar emas sebagai mata wang perdagangan antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan bangunan Sekolah Agama Band& Kota Tinggi dan Mesyuarat Agung Tahunan Badan Kebajikan Kali Ke-9 sekolah itu, di sini, semalam.

Ditanya adakah kedatangan Presiden Iran itu akan menjelaskan hubungan dua hala di antara Malaysia dan Amerika Syarikat, Syed Hamid menegaskan, sebagai negara perdagangan, Malaysia berhak mempunyai hubungan dengan mana-mana negara, tanpa sekatan negara lain.

Katanya, walaupun pemimpin Amerika mempunyai konflik dengan pemimpin negara Timur Tengah itu, bukan bermakna Malaysia tidak boleh mewujudkan hubungan dua hala dengan Iran atau sebaliknya.

Oleh itu, katanya, sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat, -Malaysia mempunyai hak mewujudkan hubungan dua hala dengan pelbagai negara di seluruh dunia, walaupun negara itu mempunyai masalah dengan negara lain.

Dalam pada itu, Syed Hamid berkata, isu lain yang akan turut dibincangkan dalam pertemuan kedua-dua pemimpin itu termasuk hubungan dua hala Malaysia-Iran dalam bidang ekonomi dan perdagangan.

Seramai 26 orang pegawai tertinggi negara Iran termasuk empat menterinya menyertai delegasi negara itu untuk lawatan rasmi selama tiga hari ke Malaysia.

Sempena lawatan itu, lima perjanjian persefahaman dijangka ditandatangani kedua-dua negara membabitkan pelancongan, telekomunikasi, teknologi maklumat (IT) dan pengecualian cukai bertindih.

Setakat ini, pelaburan Malaysia di Iran membabitkan industri petroleum. Selain itu, Iran dikatakan turut berminat meluaskan kerjasama dalam bidang te-

lekomunikasi dan pendidikan.

Selain menyaksikan upacara menandatangani perjanjian persefahaman, Khatami yang mempunyai jadual lawatan ketat dijangka mengadakan pertemuan dan dialog dengan usahawan tempatan pada satu majlis makan tengah hari anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu Malaysia (DPPMM).

Presiden Iran itu juga dijangka hadir jamuan makan malam dihadiri Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah dan Dr Mahathir.

Beliau dijangka menyampaikan ucapan pada dialog mengenai ketamadunan anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis). Lawatan pemimpin tertinggi Iran diiringi isterinya, Zohreh Khatami Sagedhi itu adalah yang pertama ke negara ini atas jemputan Yang di-Pertuan Agong.

Presiden Akhbar Hashem Rafsanjani adalah ketua negara Iran yang terakhir melawat negara ini. Lawatan itu dilakukan pada 1994.